



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI KEDAH**

Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit  
06550 ALOR SETAR  
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000  
Faks : 04-7001011/1068/1021  
Helpdesk : 04-7352849/4012  
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/kedah>

Ruj.Kami : ANM/KD/OPS/126 Jld.9 (25)  
Tarikh : 18 Mei 2021

**PERINGATAN 1**

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Semua Ketua Pejabat Pemungut  
Negeri Kedah Darul Aman**

**Senarai Edaran Seperti di Lampiran 1**

Y. Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**PERINGATAN KEPADA JABATAN / PUSAT TANGGUNGJAWAB / PEJABAT  
PEMUNGUT YANG TIDAK MENGEMUKAKAN SIJIL PENGESAHAN BAKI  
(VOT, HASIL DAN AMANAH) BAGI BULAN APRIL 2021**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Para 2.7.4 di dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 7 Tahun 2018 (Lampiran I) telah menggariskan dengan jelas Garis Panduan Tatacara Penyelenggaraan dan Semakan Laporan seperti berikut:

***“PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam laporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan Sijil Pengesahan Baki di Lampiran I-2 dan mengemukakan kepada AO selewat-lewatnya pada 14 haribulan bulan berikutnya.”***

3. Sila patuhi format yang betul mengikut laporan yang terlibat seperti dibawah:

- i) Sijil Pengesahan Baki Vot – **SPANM Bil 7 Tahun 2018**
- ii) Sijil Pengesahan Baki Terimaan – **SPANM Bil 3 Tahun 2019**
- iii) Sijil Pengesahan Baki Amanah - **Pekeliling Perbendaharaan WP10.4 Tatacara Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah**
- iv) Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit – **SPANM Bil 4 Tahun 2019**

4. Sehingga tarikh surat ini dikeluarkan, didapati Jabatan / PTJ Y. Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan masih belum mengemukakan Sijil Pengesahan Baki bagi bulan **April 2021** kepada JANM Negeri Kedah untuk semakan.